

14 SEP 2002

Hishammuddin-Gaya

PEMUDA BN SIAP SEDIA HADAPI P/RAYA KECIL PARLIMEN GAYA

KOTA KINABALU, 14 Sept (Bernama) -- Pemuda Barisan Nasional (BN) bersiap sedia untuk turun padang bagi menghadapi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Gaya, kata Pengerusinya Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini.

"Seperti yang diketahui, Pemuda BN telah memainkan peranan aktif semasa pilihan raya kecil Likas pada Julai 2001. Sekiranya berlaku pilihan raya kecil di kawasan Parlimen Gaya, kita telah siap sedia untuk menghadapinya.

"Bezanya daripada pilihan raya kecil Likas dahulu ialah kali ini ialah selain kawasan Likas, kita harus juga memberi tumpuan kepada kawasan Inanam," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Pemuda BN di sini, hari ini.

Kawasan Parlimen Gaya yang merangkumi kerusi Dewan Undangan Negeri Likas dan Inanam, bakal kosong Rabu ini apabila penyandanganya Datuk Yong Teck Lee hilang kelayakan sebagai anggota Parlimen ekoran satu keputusan Mahkamah Persekutuan baru-baru ini.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah mengesahkan satu pilihan raya kecil akan diadakan di kawasan Parlimen berkenaan yang mempunyai 49,216 pengundi mengikut daftar yang disahkan pada 21 Dis 2000.

Mahkamah Persekutuan pada 3 Sept lepas, menolak permohonan Yong untuk merayu keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan keputusan Mahkamah Pilihanraya bahawa beliau melakukan amalan rasuah pada pilihan raya negeri 1999.

Ekoran keputusan mahkamah itu, Yong, Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) turut hilang kelayakan sebagai anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Likas.

Pilihan raya kecil bagaimanapun tidak perlu diadakan di kawasan Likas memandangkan penggal Dewan Undangan Negeri sekarang akan berakhir dalam tempoh kurang daripada dua tahun.

Hishammuddin berkata: "Pilihan raya kecil di kawasan Gaya ini satu ujian bagaimana Pemuda BN dapat bergerak secara satu pasukan untuk memastikan Sabah terus menjadi tunjang dan kubu kuat BN. Masalah calon tidak timbul, sesiapa sahaja yang dikemukakan kita pastikan beliau menang."

Ini adalah pilihan raya kecil pertama di Sabah sejak Parti Bersatu Sabah (PBS) kembali menganggotai BN pada Januari tahun ini.

Sementara itu Hishammuddin berkata, Pemuda BN telah mengemukakan cadangan penubuhan Sekretariat Pemuda BN di peringkat pusat untuk menginstitusikan pergerakan berkenaan selaras dengan usaha mengukuhkan BN sebagai satu parti politik.

"Keputusan untuk mewujudkan Sekretariat Pemuda BN di peringkat pusat telah pun kita kemukakan kepada pucuk pimpinan," kata beliau.

Mengenai pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tidak bertanding pada pilihan raya negeri akan datang, Hishammuddin berkata ia tidak dibincangkan pada mesyuarat hari ini.

"Kita sememangnya sayang, hormat dan sedar akan pengorbanan beliau kepada negara...kalau kita sayang kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, saya rasa cara kita buktikan penghormatan itu ialah dengan meneruskan perjuangan beliau," katanya.

-- BERNAMA

JS PR